



MALAYSIA INTERNATIONAL BOAT SHOW 2026 (MYBOS'26)

L A N G K A W I

The Rise of Nautical Tourism in Malaysia



www.mybos.my

SIARAN AKHBAR

Untuk Edaran Segera

Tarikh: 23 November 2025

Lokasi: Royal Langkawi Yacht Club, Langkawi, Malaysia

LADA dan MYBOS Event Sdn. Bhd. Umum Kerjasama Sebagai Penganjur Bersama Malaysia International Boat Show 2026 (MYBOS'26)

Acara berprestij bakal menyerlahkan keunggulan industry maritim Malaysia
sempena Tahun Melawat Malaysia 2026

Langkawi, 23 November 2025 — Lembaga Pembangunan Langkawi

(LADA) dan MYBOS Event Sdn. Bhd. hari ini secara rasmi mengumumkan kerjasama strategik sebagai penganjur bersama bagi acara Malaysia International Boat Show 2026 (MYBOS'26) — sebuah acara maritim bertaraf antarabangsa dan gaya hidup berprestij yang dijadualkan berlangsung di Royal Langkawi Yacht Club dari 2 hingga 5 April 2026.

Kerjasama ini bertujuan untuk menjenamakan Langkawi sebagai destinasi pelancongan nautika terkemuka di Asia Tenggara, bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY2026).

MYBOS'26 bakal menjadi acara tahunan yang menampilkan keunggulan industri perkapalan global, merangkumi pameran kapal layar mewah, inovasi pelayaran, teknologi maritim, pelancongan, serta produk gaya hidup. Acara ini dijangka menarik penyertaan pempamer antarabangsa, peminat kapal, dan peneraju industri maritim dari Asia, Eropah dan Timur Tengah untuk berkongsi ilmu, berinteraksi serta menjalinkan rangkaian perniagaan di peringkat global.

Sebagai penganjur bersama, penglibatan LADA mencerminkan komitmen berterusan agensi tersebut dalam membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bernilai tinggi, mampan dan berdaya saing, serta menjadi hab nautika utama di rantau Asia Tenggara.

Acara ini juga sejajar dengan objektif strategik LADA untuk merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan, memperkukuh penjenamaan Langkawi sebagai sebuah pulau gaya hidup mewah, dan mempromosikan rantau ini sebagai hab utama dalam ekonomi maritim global.

ORGANISED BY:



CO-ORGANISER

:



SUPPORTED BY:



MYBOS EVENT SDN BHD (1526516-W)

E-3-8 Plaza Damas. No. 60 Jalan Sri Hartamas 1
Sri Hartamas 50480 Kuala Lumpur



+6011 5855 8489



info@mybos.my

“Keindahan semula jadi Langkawi serta kemudahan marina bertaraf dunia menjadikannya lokasi ideal untuk MYBOS'26. Kerjasama antara LADA dan Royal Langkawi Yacht Club bersma MYBOS Event Sdn. Bhd. ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk memperkukuh kedudukan Langkawi sebagai hab pelancongan nautika dan pembangunan maritim yang mampan di rantau ini,” kata **Tuan Haji Dr Azmil Munif, Pengurus Bahagian Pelancongan di Lembaga Pembangunan Langkawi, LADA.**

Sementara itu, **YBhg. Dato' Mohammed Radzi Manan**, Pengerusi **MYBOS Event Sdn. Bhd.**, berkata, “Kami berasa bangga dapat bekerjasama dengan LADA bagi menjayakan MYBOS'26. Acara ini bukan sahaja akan menyerlahkan kehebatan maritim Malaysia, malah mengukuhkan lagi kedudukan negara di dalam kalendar acara perkapalan antarabangsa.”

Berlangsung sempena **Tahun Melawat Malaysia 2026**, MYBOS'26 bakal menyokong aspirasi pelancongan negara dengan menarik lebih banyak pelancong berprofil tinggi serta mempromosikan pengalaman gaya hidup maritim Malaysia.

Acara selama empat hari ini akan menampilkan:

- Pameran bot dan kapal layar antarabangsa
- Pameran teknologi dan inovasi maritim
- Segmen gaya hidup mewah maritim
- Forum perniagaan dan pelaburan
- Demonstrasi sukan air
- Acara gala 'sunset' dan sesi koktel
- Tarikan kebudayaan, gastronomi dan aktiviti keluarga

Acara ini dijangka menarik ribuan pengunjung tempatan dan antarabangsa, sekali gus menjana limpahan ekonomi yang signifikan kepada sektor hospitaliti, pengangkutan dan perkhidmatan di Langkawi. MYBOS'26 turut dijangka membuka peluang perniagaan baharu kepada PKS tempatan, pengusaha pelancongan serta peniaga kraf dan artisan di Langkawi.

Mengenai Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

LADA ialah badan berkanun di bawah **Kementerian Kewangan Malaysia** yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sosioekonomi dan pemodenan Langkawi. Agensi ini mengurus dan menyelaras aktiviti pembangunan di pulau tersebut, termasuk pelancongan, infrastruktur, serta program pembangunan komuniti.

ORGANISED BY:



CO-ORGANISER

:



SUPPORTED BY:





MALAYSIA INTERNATIONAL BOAT SHOW 2026 (MYBOS'26)

L A N G K A W I

The Rise of Nautical Tourism in Malaysia



www.mybos.my

Mengenai MYBOS Event Sdn. Bhd.

MYBOS Event Sdn. Bhd. ialah syarikat pengurusan acara yang berpangkalan di Malaysia dan pakar dalam penganjuran pameran berskala besar serta acara berkaitan maritim. Syarikat ini komited untuk mempromosikan aktiviti maritim yang lestari dan inovatif di rantau ini.

Pertanyaan Media:

Sekretariat Malaysia International Boat Show (MYBOS'26)

✉ Emel: info@mybos.my

☎ Tel: +6011-58558489

🌐 Laman sesawang: www.mybos.my

Pertanyaan Jualan Dan Pemasaran:

✉ Emel: sales@mybos.my

☎ Tel: +6012-2094418 / +6011-29030290

ORGANISED BY:



CO-ORGANISER

:



SUPPORTED BY:



Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Malaysia International Boat Show 2026 (MYBOS'26)

LADA x MYBOS Event Sdn. Bhd.

MYBOS EVENT SDN BHD (1526516-W)

E-3-8 Plaza Damas. No. 60 Jalan Sri Hartamas 1
Sri Hartamas 50480 Kuala Lumpur



+6011 5855 8489



info@mybos.my